



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Penerapan Prinsip Asas Ilmu Tasawuf dalam Ilmu Nahu Menurut al-Qushayri

(Application of the Basic Principles of Sufism in Arabic Grammar According to al-Qushayri)

Shahrizal Mahpol¹, Mohd Baharim Mayidin^{1*}, Mohd Zuhdi Ismail¹

¹Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

al-Qushayri
basic principle in tasawuf
grammar
Nahw al-Qulūb al-Kabir

Katakunci:

al-Qushayri
nahu
Nahw al-Qulūb al-Kabir
prinsip asas tasawuf

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.1>

ABSTRACT

The good values in *tasawwuf* are among the important aspects that need to be integrated into the discussion of Arabic grammar (*nahu*). However, the reality is that its discussion is separated from the spiritual aspects. This causes the discussion to focus solely on language acquisition without emphasising the integration of good values. This article highlights al-Qushayri's approach in integrating several fundamental principles of *tasawwuf* into Arabic grammar as found in his work entitled *Nahw al-Qulūb al-Kabir*. This qualitative study applies content analysis methods and uses the book as the primary source. The findings of the study show that al-Qushayri has applied five basic principles of *tasawwuf*, namely *aqīdah* (creed), *shari'ah* (law), *dhikr* (remembrance), *istiqāmah* (steadfastness) and *adab* (manner) in several grammar topics. The process of integration is based on a comparative method referring to two aspects of similarity. The first aspect looks at the similarity in the use of terms. The second aspect refers to the similarity in the meanings of the principles, which can be compared with the meanings contained in certain Arabic grammar rules. The findings of this study are expected to introduce a new approach in the effort to produce an integrated curriculum that encompasses both spiritual and linguistic aspects in the subject of Arabic grammar.

ABSTRAK

Nilai-nilai murni yang terkandung dalam ilmu tasawuf merupakan antara aspek penting yang perlu diterapkan dalam perbincangan ilmu nahu Arab. Namun pada hakikatnya, perbincangannya adalah terpisah daripada aspek kerohanian. Hal ini akan menyebabkan perbincangan tersebut tertumpu kepada pemerolehan bahasa semata-mata tanpa menitikberatkan kepada aspek penerapan nilai-nilai murni. Artikel ini cuba menentengahkan pendekatan al-Qushayri dalam menerapkan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: baharim424@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.6>

beberapa prinsip asas ilmu tasawuf dalam ilmu nahu sebagaimana yang terdapat dalam karya beliau berjudul *Nahw al-Qulūb al-Kabīr*. Kajian kualitatif ini menggunakan metode analisis kandungan dan menjadikan teks kitab tersebut sebagai sumber primer. Hasil kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan lima prinsip asas ilmu tasawuf iaitu akidah yang sah, kesungguhan dalam beramal dengan syariat, zikir, istiqamah dan memelihara adab dalam beberapa topik nahu. Proses penerapan yang dibuat adalah berdasarkan kepada metode perbandingan yang merujuk kepada dua aspek persamaan. Aspek pertama melihat kepada persamaan penggunaan istilah. Aspek kedua merujuk kepada persamaan makna prinsip-prinsip tersebut yang boleh dibandingkan dengan makna yang terkandung dalam kaedah-kaedah ilmu nahu tertentu. Dapatan kajian ini diharapkan mampu menyumbangkan satu pendekatan baharu dalam usaha menghasilkan kurikulum bersepadu yang mencakupi aspek kerohanian dan linguistik dalam subjek ilmu nahu Arab.

PENDAHULUAN

Manusia dicipta oleh Allah terdiri daripada dua unsur iaitu jasmani dan rohani. Kedua-dua unsur itu banyak mempengaruhi kehidupan seseorang hamba. Kejernihan rohani seorang insan akan membuahkan cahaya iman sehingga mampu mencapai tahap kemuncak *makrifah* Allah. Dalam perkembangan ilmu Islam, bidang yang membicarakan secara mendalam mengenai proses penjernihan rohani dikenali sebagai ilmu tasawuf. Zakaria (2000) mentakrifkannya sebagai ilmu yang membahaskan proses pembersihan jiwa, kemuliaan akhlak dan pengisian zahir serta batin dengan amalan-amalan yang terpuji untuk mencapai kebahagiaan yang abadi. Sejak kurun ketiga Hijrah lagi, perbincangan mengenai tasawuf telah mula tersebar luas di merata tempat. Semakin ramai bilangan ulama yang berkecimpung dalam bidang ini, maka banyak pula buku yang ditulis membicarakan mengenainya secara meluas.

Jika ditinjau dari sudut tabii ilmu tasawuf, memang sukar untuk melihat sebarang perkaitan yang signifikan antara ilmu ini dengan nahu Bahasa Arab. Hal ini demikian kerana ilmu tasawuf lebih menumpukan kepada aspek kerohanian atau hati. Manakala ilmu nahu pula memfokuskan kepada aspek linguistik yang berkaitan dengan pembentukan dan penyusunan perkataan untuk membina ayat yang betul. Namun demikian, kajian mendapati bahawa al-Qushayri telah mampu menggabungkan perbincangan ilmu tasawuf dan ilmu nahu secara integral dan bersepadu. Usaha ini telah dijemakan dalam salah sebuah karya nahu beliau yang berjudul *Nahw al-Qulūb al-Kabīr*. Dalam kitab tersebut, al-Qushayri memulakan perbincangan setiap topik dengan memberikan definisi dari sudut bahasa dan istilah nahu secara ringkas. Kemudian beliau menghubungkaitkannya secara terperinci dengan nilai kerohanian yang dilihat mengandungi persamaan dari aspek-aspek tertentu. Sebahagian fakta yang diketengahkan juga dikuatkan dengan dalil-dalil dari ayat al-Quran, Hadis Nabi dan kata-kata ulama sufi muktabar. Ini menjadikan kitab tersebut sarat dengan nilai ilmiah yang berwibawa dan mengetengahkan pendekatan baharu yang bersepadu.

SOROTAN LITERATUR

Penerapan nilai-nilai tasawuf dalam ilmu nahu telah dipelopori oleh al-Qushayri melalui dua karya beliau berjudul *Nahw al-Qulūb al-Kabīr* dan *Nahw al-Qulūb al-Saghīr* (Ibrahim & Ahmad, 2008). Menurut Zakiyah (2012), penerapan nilai kerohanian dalam ilmu nahu dapat menghasilkan satu bentuk ilmu bersepadu yang mencakupi aspek intelek dan rohani seseorang. Justeru, matlamat penerapan nilai-nilai murni yang menjadi teras kepada kurikulum dan sistem pendidikan negara pasti mampu direalisasikan sekiranya pendekatan ini dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini amat penting kerana menurut Khairul (2018) pembangunan fizikal yang tidak disertai dengan pembangunan spiritual, lambat laun akan membawa kepada natijah yang tidak baik dalam diri setiap individu.

Ahmad Qasim Kassar (2012) juga menegaskan bahawa terdapat hubungan yang bermakna antara ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Kedua-dua ilmu ini mempunyai fungsi dan peranan yang sama. Ilmu nahu memfokuskan perbincangannya kepada menjaga ayat dari kesalahan sintaksis. Manakala ilmu tasawuf pula menumpukan perbahasannya kepada pemeliharaan rohani dari dosa zahir dan batin. Oleh itu, tanggungjawab dan peranan kedua-dua disiplin ilmu ini memelihara seseorang dari sebarang kesalahan dan kesilapan.

Al-Ghazali (2010) juga ada menyentuh berkenaan hubungan yang signifikan antara dua bidang ilmu ini di dalam kitab beliau, *Minhāj al-Ārifīn*. Beliau telah membandingkan secara simbolik perubahan hati manusia dengan perubahan *i'rāb* dalam ilmu. Perbandingan yang dilakukan adalah berpandukan kepada persamaan maksud istilah yang digunakan dalam kedua-dua disiplin ilmu ini. Kandungan kitab ini tertumpu kepada perbahasan tasawuf secara keseluruhannya. Namun, beliau dilihat telah membuat perbandingan di antara beberapa doktrin sufi dengan kaedah nahu kerana terdapat titik persamaan antara kedua-duanya.

Tegasnya, usaha untuk mengemukakan satu pendekatan yang bersepadu dalam ilmu nahu telah dipelopori oleh al-Qushayri sejak kurun kelima Hijrah lagi. Pendekatan ini telah memberikan pola baharu dalam perbahasan ilmu nahu yang sebelum ini hanya menekankan aspek bahasa semata-mata. Menurut Ibrahim dan Ahmad (2008), pendekatan yang diperkenalkan ini telah melahirkan satu istilah baharu dalam ilmu nahu dikenali sebagai 'nahu sufi'. Diharapkan artikel ini dapat membincangkan dengan terperinci mengenai penerapan prinsip-prinsip asas ilmu tasawuf dalam ilmu nahu yang belum disentuh dalam mana-mana penulisan terdahulu.


METODOLOGI

Kajian ini berasaskan kajian kualitatif menggunakan metode analisis kandungan (*content analysis*) yang menjadikan kitab *Nahw al-Qulūb al-Kabīr* karya al-Qushayri sebagai sumber primer. Penelitian ditumpukan kepada mengkaji nilai kerohanian berkaitan prinsip-prinsip asas ilmu tasawuf yang diterapkan dalam topik-topik nahu. Setelah memperoleh data-data tersebut, pengkaji mengklasifikasikannya mengikut teknik bertema melibatkan penyenaiaan beberapa prinsip ilmu tasawuf seperti akidah yang betul, beramal dengan tuntutan syariat, zikir, istiqamah dan memelihara adab-adab. Data seterusnya dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan metode komparatif. Metode induktif digunakan untuk menganalisis maklumat secara berterusan bagi menghuraikan masalah yang dikaji. Metode komparatif pula digunakan untuk menyelidiki bentuk-bentuk persamaan dan perkaitan antara fakta yang terkandung dalam disiplin ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Seterusnya, data tersebut dikuatkan dengan beberapa dalil dari al-Quran dan Hadis sebagai sumber sokongan untuk dijadikan penimbang tara kepada isu-isu tertentu.

DAPATAN KAJIAN

Kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan enam prinsip asas ilmu tasawuf dalam beberapa topik nahu dalam kitab *Nahw al-Qulūb al-Kabīr*. Prinsip-prinsip tersebut ialah akidah yang sahih, kesungguhan dalam beramal, zikir, istiqamah dan memelihara adab. Kesemua prinsip tersebut diterapkan dalam topik-topik nahu sebagaimana dijelaskan dalam Rajah 1 di bawah:

Rajah 1. Penerapan Prinsip Asas Ilmu Tasawuf dalam Topik Nahu



Sumber: Penulis (2024)

Penerapan Prinsip Akidah Sahih

Akidah yang sah merupakan prinsip utama dalam bidang tasawuf. Tumpuan utama perbincangan adalah berkaitan dengan mentauhidkan Allah dari sudut zat (*tawhīd al-dhāt*), nama (*tawhīd al-asmā'*) dan perbuatan (*tawhīd al-af'āl*). Konsep tauhid Allah dari sudut zat telah diterapkan dalam ilmu nahu berkaitan topik *al-mufrad* (kata nama tunggal). Penerapan yang dibuat adalah berpandukan kepada persamaan maksud *ifrad* iaitu menetapkan sifat tunggal sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan ilmu tasawuf dan nahu Arab (al-Qushayri, 2005). Dari aspek perbincangan ilmu tasawuf, konsep *ifrad* adalah sinonim dengan istilah tauhid yang bermaksud menetapkan sifat tunggal dan esa kepada zat Allah yang tidak tersusun dari beberapa bahagian seperti daging, tulang dan sebagainya. Dari aspek perbincangan ilmu nahu pula konsep *ifrad* dapat dilihat dalam penggunaan istilah *mufrad*² yang bermaksud setiap kata nama yang menunjukkan makna tunggal. Justeru, asas perbandingannya adalah merujuk kepada persamaan maksud tunggal atau satu pada konsep *ifrad* dalam ilmu tasawuf dan maksud istilah *mufrad* dalam ilmu nahu.

Konsep mentauhidkan Allah dari sudut *asma'* pula diterapkan dalam topik *al-ism* (kata nama). Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan kepada persamaan penggunaan istilah *al-ism* dalam perbincangan kedua-dua ilmu tersebut. Dari aspek perbincangan tasawuf, *al-ism* adalah merujuk kepada makna mentauhidkan Allah dari sudut nama-namaNya. Ia bermaksud kepercayaan dengan sepenuh keyakinan bahawa bagi Allah segala nama mulia (*asmā' Allah al-ḥusnā*) yang menunjukkan kepada keagungan dan kesempurnaanNya (al-Qushayri, 2005). Manakala dari aspek perbincangan ilmu nahu pula, penggunaan istilah *al-ism* adalah bermaksud setiap perkataan yang menunjukkan makna kata nama dan tidak berkaitan dengan masa tertentu (Muhammad Samir Najib, 1985). Oleh itu, asas perbandingannya adalah merujuk kepada persamaan dalam penggunaan istilah *al-ism*. Namun demikian istilah tersebut mengandungi maksud yang berlainan mengikut skop perbincangan bidang masing-masing.

Manakala konsep mentauhidkan Allah dari sudut perbuatan pula telah diterapkan dalam topik *al-fi'l*. Penerapan yang dibuat adalah berasaskan persamaan penggunaan istilah *al-fi'l* dalam perbincangan ilmu tasawuf dan nahu. Dari sudut ilmu tasawuf, istilah *al-fi'l* adalah merujuk kepada maksud mentauhidkan Allah dari sudut perbuatanNya yang tidak menyerupai dengan perbuatan makhluk. Dari sudut perbincangan ilmu nahu pula, *al-fi'l* bermaksud perkataan yang menunjukkan makna perbuatan dan disertai dengan masa berlakunya perbuatan tersebut (al-Qushayri, 2005). Maka asas perbandingannya adalah melihat kepada

² *Mufrad* dari sudut bahasa merupakan *ism maf'ul* dari kata dasar "*afrada-yufridu-ifrad*" yang bermaksud benda yang ditinggalkan atau disatukan.
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.6>

persamaan penggunaan istilah *al-fi'l* semata-mata kerana maksudnya berbeza mengikut perbincangan kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Penerapan Prinsip Berzikir

Prinsip yang ketiga ialah amalan berzikir dan mengingati Allah dengan adab dan kaifiat yang tertentu. Perbincangan mengenai kepentingan zikir dengan menyebut nama Allah atau sifat-sifatNya telah diterapkan dalam topik *al-kalām al-mufīd* (ayat lengkap). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan persamaan maksud iaitu, mendapat faedah tertentu, sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua ilmu ini. Dari sudut ilmu tasawuf, setiap ungkapan yang diucapkan oleh seseorang hamba dianggap sempurna dan berfaedah apabila memenuhi syarat zikir iaitu ayat yang mengandungi lafaz Allah atau sifat-sifatNya. Faedah yang diperolehi ialah hatinya sentiasa mengingati Allah dalam setiap ucapan. Dari sudut ilmu nahu pula, setiap ayat dianggap sempurna dan berfaedah apabila memenuhi syarat-syaratnya sebagaimana ditetapkan dalam kaedah nahu. Faedah yang didapati ialah ayat tersebut boleh difahami oleh pendengarnya (al-Qushayri, 2005). Maka asas perbandingannya adalah berdasarkan persamaan maksud iaitu mendapat faedah dari berzikir berdasarkan ilmu tasawuf; dan maksud faedah dalam memahami ayat yang sempurna berdasarkan ilmu nahu.

Mengenai bentuk atau kaifiat berzikir pula, telah diterapkan dalam perbincangan mengenai perbezaan definisi '*nahw*' menurut perspektif ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada persamaan maksud *nahw* secara literal iaitu menuju kepada cara tertentu. Dari perspektif tasawuf, *nahw* bermaksud ilmu yang membincangkan mengenai ucapan kata-kata terpuji dalam bentuk zikir melalui lidah dan hati dengan cara seruan (*nidā'*) dan munajat (*munājāh*) untuk menuju ke matlamat mendekatkan diri kepada Allah. Ia juga dikenali, di dalam kalangan ulama sufi, sebagai "*nahw al-qulub*". Manakala dari perspektif nahu pula, ia bermaksud ilmu yang membicarakan tentang tatacara dan kaedah menuju pembentukan ayat yang betul (al-Qushayri, 2005). Oleh itu, asas perbandingannya adalah berpandukan kepada persamaan maksud menuju matlamat mendekatkan diri kepada Allah berdasarkan ilmu tasawuf; dan maksud menuju pembentukan ayat yang betul berdasarkan ilmu nahu.

Penerapan Prinsip Istiqamah

Prinsip keempat adalah istiqamah dalam melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan syarak. Istiqamah ialah sifat tetap dan berterusan di atas jalan yang benar. Ia juga merupakan tahap kesempurnaan dalam setiap amalan kerana tanpanya akan sia-sia segala usaha yang dilakukan (al-Qushayri, 2010). Prinsip ini diterapkan dalam topik *al-khabar* (predikat). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan persamaan maksud berterusan sebagaimana dibincangkan dalam kedua-dua disiplin ilmu ini. Dari sudut tasawuf, setiap individu yang menceburi bidang ini dikehendaki konsisten dan berterusan dalam menjalani latihan-latihan kerohanian serta tidak mudah patah semangat untuk mencapai matlamat yang dituju. Dari sudut nahu pula, maksud berterusan dapat dilihat dalam proses pembentukan ayat yang terdiri dari *mubtada'* (subjek) dan *khabar* (predikat). Kaedah telah menetapkan bahawa *mubtada'* hendaklah diteruskan dengan menyatakan *khabarnya* untuk memastikan ayat itu lengkap dan boleh difahami. Oleh itu, asas perbandingannya adalah berpandukan kepada persamaan maksud berterusan dalam melaksanakan latihan kerohanian berdasarkan ilmu tasawuf; dan maksud berterusan menyatakan *khabar* bagi *mubtada'* berdasarkan ilmu nahu.

Individu yang tidak istiqamah dalam latihan-latihan yang ditetapkan akan mudah berhenti dari menceburkan dirinya dalam bidang kerohanian. Fenomena ini diterapkan dalam topik *al-mabniy 'ala al-sukūn* (kata tak fleksi berbaris mati). Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan persamaan maksud berhenti dari sesuatu sebagaimana dihuraikan dalam kedua-dua ilmu ini. Dari perspektif tasawuf berkaitan dengan tarekat, individu yang tidak konsisten dalam amalan zikir tertentu yang ditetapkan oleh seseorang Sheikh (guru tarekat) akan menyebabkan ia diberhentikan dari mengikuti aktiviti kumpulan tersebut. Dari sudut nahu pula setiap perkataan *mabniy* yang berbaris mati diberhentikan bacaan dan tidak disambung dengan

perkataan selepasnya sebagaimana perkataan *mu'rab* (kata fleksi) (al-Qushayri, 2005). Justeru, asas perbandingannya adalah berdasarkan persamaan maksud berhenti dari meneruskan aktiviti kerohanian berdasarkan ilmu tasawuf; dan maksud memberhentikan bacaan berdasarkan ilmu nahu.

Penerapan Prinsip Menjaga Adab

Prinsip terakhir ialah menjaga adab-adab yang meliputi adab terhadap Allah, adab terhadap Syeikh dan adab terhadap rakan. Adab ini dianggap penting dalam ilmu tasawuf kerana ia dianggap sebagai jambatan untuk mendekatkan diri kepada Allah (al-Qushayri, 2010).

Antara adab seorang hamba terhadap Allah yang diterapkan dalam ilmu nahu ialah sentiasa mematuhi segala suruhanNya. Nilai tersebut telah diterapkan dalam topik *fi'l al-amr* (kata kerja imperatif). Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan kepada persamaan maksud istilah '*al-amr*' iaitu suruhan sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua disiplin ilmu ini. Dari perspektif ilmu tasawuf, istilah *al-amr* merujuk kepada maksud segala suruhan Allah sama ada berbentuk wajib atau pun sunat yang mesti dipatuhi oleh setiap Muslim. Manakala dari perspektif ilmu nahu pula maksud suruhan dapat dilihat dalam perbincangan kata kerja *al-amr* yang merupakan kata kerja suruhan dibaca *majzūm* (jusif) dan berbaris mati contohnya perkataan اذْهَبْ ertinya '(suruhan) pergilah kamu!' (al-Qushayri, 2005). Oleh itu asas penerapannya adalah berlandaskan persamaan maksud *al-amr* dari perspektif ilmu tasawuf; dan maksud kata kerja *al-amr* dari perspektif ilmu nahu.

Berhubung dengan nilai menjaga adab terhadap Syeikh, rakan seperjuangan dan masyarakat sekeliling, al-Qushayri (2005) telah menerapkan konsep takaful atau sifat lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam topik *al-'adad wa al-ma'dūd* (bilangan). Penerapan yang dibuat adalah merujuk kepada persamaan maksud kerjasama sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua ilmu ini. Dari perspektif ilmu tasawuf, sifat kerjasama dan lengkap melengkapi antara satu sama lain perlu ada dalam sesebuah masyarakat atau institusi tarekat. Orang yang mempunyai kekuatan hendaklah membantu golongan yang lemah. Begitu juga bagi golongan kaya, mereka adalah dituntut untuk menolong orang miskin. Dari perspektif ilmu nahu pula konsep kerjasama atau saling lengkap melengkapi juga dapat dilihat dalam penetapan kaedah pada bilangan yang kurang dari sepuluh. Apabila *ma'dūd* (benda yang dibilang) dari jenis *mudhakkār* (maskulin) maka '*adadnya* (bilangan) hendaklah dijadikan *mu'annath* (feminin) dengan ditambah *ta marbūṭah*. Sebaliknya sekiranya *ma'dūd* pula adalah *mu'annath*, maka '*adadnya* akan diubah menjadi *mudhakkār* dengan dibuang *ta marbūṭah* seperti ayat *thalāthah rijāl wa khams nisā'* (tiga lelaki dan lima wanita). Dalam erti kata lain, kekurangan *ta marbūṭah* yang terdapat pada *ma'dūd* akan ditampung oleh '*adadnya* dan begitu juga sebaliknya. Justeru asas penerapannya adalah berdasarkan kepada persamaan maksud adab bekerjasama antara ahli tarekat berdasarkan ilmu tasawuf; dan maksud konsep lengkap melengkapi pada perbincangan *al-'adad wa al-ma'dūd* berdasarkan ilmu nahu.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan penerapan prinsip-prinsip asas tasawuf dalam ilmu nahu adalah berdasarkan kepada dua aspek persamaan yang utama. Pertama ialah aspek persamaan penggunaan istilah walaupun pada hakikatnya ia memberikan maksud yang berlainan bersesuaian dengan perbincangan bidang masing-masing. Aspek kedua ialah persamaan pada maksud suatu konsep dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan maksud suatu kaedah nahu yang dapat difahami secara implisit dan tersirat. Hasil kajian ini telah menjawab persoalan kajian kedua berkaitan bagaimana prinsip-prinsip ilmu tasawuf ditonjolkan dalam perbincangan ilmu nahu dalam kitab *Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*.


Hasil kajian menunjukkan prinsip akidah sahaja diterapkan dalam topik *al-ism* dan *al-fi'l* berdasarkan kepada persamaan penggunaan istilah. Merujuk kepada penerapan prinsip ini, kajian menunjukkan al-Qushayri lebih menumpukan perbincangannya kepada aspek tasawuf berbanding huraian dari aspek linguistik. Beliau tidak memberikan sebarang definisi kepada istilah *al-ism* dan *al-fi'l*.

Sebaliknya dari perspektif tasawuf, beliau menjelaskan secara terperinci mengenai ciri-ciri akidah yang sah menurut pandangan Ahli Sunah Waljamaah. Hasil kajian mendapati penerapan nilai tauhid *al-asmā'* dan *al-af'āl* ini juga merupakan suatu penghayatan kepada konsep *fanā'* (lenyap) dalam diri seorang ahli sufi. Menurut Abu al-Wafa' al-Taftazani (1979), konsep tersebut dikenali dalam kalangan ulama sebagai *fanā' 'an shuhūd al-siwā* dan *fanā' 'an irādah al-siwā*. *Fanā' 'an shuhūd al-siwā* bermaksud penyaksian kepada perkara selain keagungan Allah yang lenyap dan tersirna dari pandangan hatinya. Manakala *fanā' 'an irādah al-siwā* bermaksud penyaksian kepada perbuatan makhluk telah lenyap dari hatinya dan yang *baqā'* (kekal) hanyalah perbuatan Allah. Kenyataan yang sedemikian adalah sebagai manifestasi kepada *tajallī* sifat-sifat keagungan Allah dalam hati hamba. Ia bermaksud suatu kefahaman yang dikurniakan oleh Allah mengenai kesempurnaan *asmā'* dan *af'āl*-Nya yang dapat disaksikan oleh ahli sufi ketika mempelajari ilmu nahu. Pada masa itu, beliau dianugerahkan makrifah tentang hakikat lenyap segala *asmā'* dan *af'āl* dari pandangan hatinya. Perkara yang kekal dalam penyaksiannya hanyalah *asmā'* dan *af'āl* Allah semata-mata. Ini juga menjadi bukti tentang penumpuan al-Qushayri dalam setiap topik ilmu nahu yang dibincangkan adalah memfokuskan kepada mencapai kemuncak matlamat perjalanan kerohanian iaitu mentauhidkan Allah.

Berkaitan aspek kedua yang menjadi asas penerapan, kajian menunjukkan kebanyakan prinsip asas ilmu tasawuf diterapkan dalam topik nahu berpandukan kepada persamaan maksud. Kefahaman yang mendalam mengenai konsep-konsep ilmu tasawuf di samping pengetahuan yang luas dalam bidang nahu Arab menjadi asas utama untuk menentukan bentuk persamaan antara perbincangan kedua-dua bidang ilmu ini. Contoh jelas dalam konteks berkaitan ialah huraian berkaitan penerapan konsep *al-tajrīd* dalam topik *al-jazm*. Jika dilihat dari perspektif tasawuf, maksud konsep ini tiada sebarang persamaan dengan mana-mana kaedah dalam ilmu nahu. Namun apabila dilihat dengan lebih mendalam, maksud memutuskan niat dari mengharap sebarang balasan boleh dilaraskan dengan konsep *al-jazm* yang bermaksud memutuskan bacaan dari perkataan lain. Perkara yang sama dapat dilihat dalam penerapan prinsip zikir dalam topik *al-kalām* dan *ta'rīf al-nahw*, penerapan prinsip istiqamah dalam topik *al-khabar* dan *al-mabniy 'ala al-sukūn* dan penerapan prinsip adab dalam topik *fi'l al-amr* dan *al'adad wa al-ma'dūd*.

Proses lengkap bagi penerapan prinsip-prinsip tasawuf dalam ilmu nahu dapat dilihat dalam model Kaedah Nahu Sufi Qushayri (KNSQ) sebagaimana dijelaskan melalui rajah analisis rantaian nilai (*value chain analysis*) di bawah:

Rajah 2. Kaedah Nahu Sufi Qushayri (KNSQ)



Sumber: Penulis (2024)

Merujuk kepada Rajah 2 di atas, dua elemen utama untuk membina model kaedah nahu sufi perlu diteliti. Elemen pertama dikenali sebagai aktiviti primer. Dalam aktiviti ini dihuraikan proses penerapan prinsip akidah benar, beramal dengan syariat, zikir, istiqamah dan menjaga adab dalam topik nahu *ism*, *fi'l*, *nasb*, *jazm*, *kalām mufīd*, *ta'rīf al-nahw*, *khabar*, *mabniy 'ala sukūn*, *fi'l al-amr* dan *adad ma'dūd*. Proses yang dihuraikan dalam aktiviti primer perlu disokong dan dikukuhkan dengan elemen kedua dikenali

sebagai aktiviti sokongan. Dua aspek utama yang menyokong aktiviti primer ialah aspek persamaan penggunaan istilah dan aspek persamaan maksud. Pelaksanaan kedua-dua aktiviti tersebut membentuk rantaian nilai yang akhirnya menghasilkan Kaedah Nahu Sufi Qushayri (KNSQ).

KESIMPULAN

Kajian menyimpulkan bahawa al-Qushayri telah menentengahkan satu pendekatan baharu dalam disiplin pengajian ilmu nahu Arab. Beliau merupakan tokoh ulama sufi pertama yang berjaya menerapkan nilai-nilai berkaitan prinsip asas tasawuf dalam beberapa topik nahu. Asas penerapan adalah berpandukan aspek persamaan penggunaan istilah dan persamaan maksud dalam perbincangan kedua-dua ilmu tersebut. Pendekatan ini telah menyerlahkan lagi ketokohan beliau sehingga dikenali sebagai tokoh ulama sufi sunni yang menggabungkan antara elemen syariat dan hakikat. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan satu sumbangan berarti kepada pihak penggubal dasar dalam usaha membangunkan satu kurikulum bersepadu subjek ilmu nahu Arab yang mencakupi aspek linguistik dan aspek kerohanian.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Kelantan, Kampus Machang atas kemudahan dan sokongan yang diberikan untuk penyelidikan ini.

PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, konflik komersial atau kewangan dan mengisytiharkan bahawa tiada kepentingan yang bercanggah dengan mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENULIS

Sharizal Mahpol menjalankan penyelidikan, menyediakan kerangka teori dan menulis artikel. Mohd Baharim Mayidin menulis menyemak artikel dan membuat pembetulan berdasarkan templat untuk tujuan penerbitan. Mohd Zuhdi Ismail menulis dan menyemak artikel.

RUJUKAN

- Abu al-Wafa al-Ghunaymi al-Taftazani. (1979). *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Ahmad Qasim Kassar. (2012). al-Imām al-Qushayri wa Juhūduhu fi Asalamah al-Dirāsāt al-Lughawiyah Kitāb Naḥw al-Qulūb Namūzajan dalam “*Hawliyyat al-Turath*” bil. 22, 119-130.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2010). *Minhāj al-Ārifīn*. Baghdad: Matba’ah al-Maarif.
- Al-Qushayri, ‘Abd al-Karim bin Hawazin. (2005). *Nahw Al-Qulūb*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qushayri, ‘Abd al-Karim bin Hawazin. (2010). *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Mesir: Sharikah al-Quds lil-Tijarah.
- Ibrahim Bisuyuni dan Ahmad ‘Ilm al-Din al-Jundi. (2008). *Naḥw al-Qulūb al-Saghīr wa al-Kabīr li al-Imām Zayn al-Islām ‘Abd al-Karīm al-Qushayri*. Mesir: Maktabah ‘Ālam al-Fikr.

Khairul Azhar Meerangani. (2018). Isu Penerapan Nilai Islam Dalam Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. 4(2), 80-98.

Muhammad Samir Najib. (1985). *Mu'jam al-Mustalahat al-Nahwiyyah wa al-Sarfiyyah*. Syria: Muassasah al-Risalah.

Zakaria Muhammad al-Ansari. (2000). *Ihkam al-Dalalah 'ala Tahrir al-Risalah al-Qushayriyyah* Damsyiq: Dar al-Nu'man li al-'Ulum

Zakiah. (2012). Kitab al-Sanī al-Maṭālib: Interkoneksi Nahwu dan Tasawuf. *Jurnal Penelitian Sosial Kegamaan*, jilid 20. h. 371-390. Semarang Penerbit UIN Walisongo



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).